

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 DECEMBER 2016

FORUM AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (AUKU)

Aktivis mahasiswa tidak puas hati jawapan Dr M

BH-24/12/2016

[FOTO GHAZALI KORI/BH]

➔ Bekas PM digesa nyata pendirian terhadap isu mansuh akta

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

▀ Petaling Jaya

Beberapa aktivis mahasiswa mengambil kesempatan melemparkan rasa tidak puas hati kepada Tun Dr Mahathir Mohamad ketika Forum Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) di sini, malam kelmarin.

Forum yang diadakan di ibu pejabat *Malaysiakini* itu pada asalnya adalah ruang bagi Dr Mahathir menyatakan sokongan kepada aktivis mahasiswa, Anis Syafiqah Md Yusof yang digantung satu semester berikutan pembabitannya dalam demonstrasi #TangkapMO1, pada Ogos lalu.

Namun, sebaliknya berlaku apabila ketika sesi soal jawab,



Antara yang hadir pada Forum AUKU di ibu pejabat Malaysiakini di Petaling Jaya, kelmarin.

seorang aktivis mahasiswa menggesa Dr Mahathir menyatakan pendirian terhadap pemansuhan AUKU kerana kecewa dengan hujahnya yang dilihat hanya mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ugut tak sokong PPBM

Kegagalan Dr Mahathir menjawab soalan itu secara terus menyebabkan beberapa aktivis mahasiswa mengajukan soalan sama beberapa kali, selain ada yang mengugut tidak akan menyokong Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) jika gagal menyatakan pendirian.

Perkara itu menyebabkan reaksi wajah Dr Mahathir yang tersenyum sebelum itu, sedikit berubah.

Dr Mahathir kemudian tetap mengulangi jawapannya bahawa keutamaan ketika ini adalah menjatuhkan Najib, selain menyatakan AUKU berjaya menambah bilangan mahasiswa yang berjaya, khususnya dalam kalangan orang Melayu.

Cari publisiti murahan

Antara yang bertanyakan soalan adalah Pengerusi Suara Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mukmin Nantang, 22, yang menyifatkan Dr Ma-

hathir hanya menyatakan sokongan membabi buta kepada mahasiswa untuk mencari publisiti murahan.

“Aktivis mahasiswa tidak puas hati dengan jawapan dan idea dilontarkan Dr Mahathir kerana dia tidak ada pendirian.

“Kami yakin Dr Mahathir hanya mahu menjatuhkan Najib demi untuk menyambung kuasa kroni dan keluarganya.

“Suara Mahasiswa akan berbincang dengan ahlinya dan akan mengeluarkan kenyataan dalam masa terdekat berhubung sokongan terhadap PPBM,” katanya ketika ditemui selepas Forum AUKU di sini.